

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR
KAWASAN : BANDAR BARU KULIM

SOALAN:

YB. DATO' ABD AZIZ BIN SHEIKH FADZIR minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status rancangan pembinaan lebuh raya di antara Bandar Baru ke Kulim Hi-Tech dan lebuh raya di antara Kulim ke Mahang yang dikatakan telah diberi peruntukan tetapi masih belum diberi status pembinaan.

JAWAPAN:

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, laluan tersebut merujuk kepada Jalan Persekutuan FT136 dari Plaza Tol Bandar Baharu ke Kulim Hi-Tech. Kementerian ini sememangnya merancang untuk menaik taraf laluan sepanjang 42km itu dengan reka bentuk piawaian JKR R5. Anggaran keseluruhan kos projek ini ialah sebanyak RM650 juta. Sehubungan itu permohonan kelulusan peruntukan projek tersebut telah dikemukakan kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk pertimbangan dalam tempoh RMKe-11 ini.

Sekian. Terima kasih.